

## WELCOME

**W**ELCOME to the first issue of the electronic MBBY Bulletin, the newsletter of the Malaysian Section of IBBY. We have published a print edition earlier but now we are shifting to the electronic format in order to publish more consistently and frequently as well as to engage and communicate quickly with members of MBBY and everyone who has passion and interest in the world of children and young people's literature.

Unknown to many, MBBY has been active in building up strength through increasing members, building up presence through various activities and engaging with the industry and authorities to spread the word on the importance of children and young people and its literature world comprising stories, illustrations and related activities. We participated in and contributed to the success of KLIBF 2010, topping it up with a very successful continuation of our International Conference on Children's Book Publishing, graced again by non-other than our strongest supporter and Malaysia's First Lady, Datin Seri Rosmah Mansor. At the same time, across the seas and continents we were also represented at the annually celebrated Bologna Children's Book Fair 2010, where several prominent Malaysian children's book publishers also displayed their works.

This newsletter is an important milestone for MBBY as it develops itself into the focal point or center for Malaysia's children and young people books and literature. Through this we hope to reach out to all our members and all those with common interest and passion for children's literature. We welcome feedback and suggestions to have a better and effective presence in the world of children's literature in Malaysia and the world. We also hope to develop more authors, illustrators, storytellers and bring everyone together to promote and highlight the strength and beauty of our own young people's literature and illustrations. ►

Thank you for your interest and support.

*Ahmad Redza Ahmad Khairuddin*  
Vice-President

**Penasihat/Advisors:**

YBhg. Datin Paduka Hajah Shahaneem Hanoum  
Encik Ahmad Redza Ahmad Khairuddin

**Ketua Editor/Chief Editor:**

Md Sidin Ahmad Ishak

**Editor:**

Siti Ezaleila Mustafa

**Pembantu Editor/Assistant Editor:**

Rastam Jamali Zubir, Rosidah Ismail, Anita Mohd Jali

**Penerbit/Publisher:**

**Majlis Buku Kanak-Kanak & Remaja Malaysia**  
**Malaysian Board on Books for Young Children**  
**(MBBY)**

Perpustakaan Cawangan Taman Tun Dr. Ismail,  
Jalan Athinahapan, Taman Tun Dr. Ismail,  
60000 Kuala Lumpur.

Tel : 03-7726 6310 / 7725 9466

Faks : 03-7726 7629

Web : www.mbbby.net

## BENGKEL ILUSTRASI BUKU KANAK-KANAK CHILDREN'S BOOK ILLUSTRATION WORKSHOP

**B**ENGKEL Ilustrasi Buku Kanak-kanak telah diadakan pada 22 hingga 23 Mac yang lalu di Dewan Pahang, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2010.

Majlis Buku Kanak-kanak dan Remaja (MBBY) mengadakan bengkel ini sebagai salah satu aktiviti Persidangan Antarabangsa Buku Kanak-kanak 2010 dengan tujuan untuk memberi latihan kepada pelukis dalam penghasilan karya secara serius di samping mendedahkan mereka dengan idea-idea baharu dalam pelukisan buku kanak-kanak.

Melalui bengkel ini, peserta juga berpeluang untuk berinteraksi dengan pelukis berpengalaman negara, Mohd Yusof Ismail atau lebih popular dengan nama Yusof Gajah yang menjadi fasilitatornya. Seramai 14 orang peserta yang berlatarbelakangkan seni dari pelbagai agensi kerajaan, syarikat penerbitan, dan institusi pengajian tinggi telah menyertai bengkel selama dua hari itu.

Dalam bengkel tersebut, peserta ditekankan dengan peri pentingnya kefahaman tentang hubungan antara imej dengan teks dalam penghasilan buku kanak-kanak yang berjaya serta teknik-teknik penting dalam ilustrasi bagi membina eksperimentasi dan profesionalisme.



*Peserta yang menyertai Bengkel Ilustrasi Buku Kanak-kanak bersama-sama dengan Yusof Gajah dan Profesor Dr Md Sidin.*

7

6

5

4

3

2

1

Bagi memberikan pemahaman yang lebih mendalam, peserta juga diberi latihan gerak kerja untuk menghasilkan ilustrasi berdasarkan jalan cerita yang lahir daripada kreativiti masing-masing. Peserta menerima sijil penyertaan dan cenderamata pada hari terakhir bengkel daripada Profesor Dr Md Sidin Ahmad Ishak selaku Pengerusi Bersama Persidangan Antarabangsa Buku Kanak-kanak 2010. ► R/JZ

## MBBY DI PESTA BUKU KL 2010

### MBBY AT KL BOOK FAIR 2010

**M**AJLIS Buku Kanak-Kanak dan Remaja Malaysia (MBBY) telah menyertai Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2010 yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 19 hingga 28 Mac 2010 yang lalu.

Dengan adanya gerai di PBAKL 2010, MBBY berkesempatan mengedarkan pamflet mengenai MBBY di samping mempamerkan buku-buku terbitannya dan buku-buku sumbangan Kedai Buku & Young.

Gerai pameran MBBY berjaya menarik perhatian orang ramai yang mengunjungi PBAKL 2010, terutama mereka yang ingin mengetahui lebih lanjut tentang bahan bacaan untuk golongan muda. Malah ada yang mendaftar sebagai ahli baharu MBBY.

Ada pengunjung yang mengambil kesempatan untuk bertanya cara-cara untuk menerbitkan buku yang ditulis mereka secara langsung dengan wakil MBBY memandangkan maklumat berkenaan tidak diketahui ramai.

Selain itu, ada juga pengunjung yang menyarankan MBBY turut menjual buku-buku yang dipamerkan di samping menambahkan koleksi buku kanak-kanak dan remaja bagi menarik minat para peminat buku.

Oleh itu, MBBY perlu bergerak lebih proaktif pada masa akan datang dengan menjadikan laman webnya sebagai pemberi maklumat utama bagi segala aktiviti dan program di bawah kelolaan MBBY setiap masa untuk pengetahuan orang ramai.

Gerai pameran MBBY turut dikunjungi isteri Datuk Bandar Kuala Lumpur, iaitu Y.Bhg. Datin Seri Norkhayati Hashim bersama anak-anaknya. ► *RI*



*Kunjungan YBhg. Datin Seri Norkhayati Hashim ke gerai pameran MBBY semasa PBAKL 2010*

7

6

5

4

3

2

1

## PERSIDANGAN BUKU KANAK-KANAK *CHILDREN'S BOOK CONFERENCE*

**M**AJLIS Buku Kanak-kanak dan Remaja Malaysia (MBBY) telah mengadakan Seminar Buku Kanak-kanak pada 22 Mac yang lalu sebagai salah satu aktiviti yang terdapat dalam Persidangan Buku Kanak-kanak 2010 di Dewan Tun Dr. Ismail, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.

Majlis yang diadakan sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2010 itu dianjurkan dengan kerjasama Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) dan Majlis Industri Buku Malaysia (MBIC) dan dirasmikan oleh isteri Perdana Menteri Malaysia, Datin Seri Rosmah Mansor.



Menurut beliau, celik huruf lebih awal merupakan elemen penting dalam membentuk kehidupan dan masa depan kanak-kanak kerana ia merupakan pelaburan modal insan yang penting untuk kemajuan dan kemakmuran negara.

“Oleh sebab itu program pendidikan sistematik telah dilaksanakan bagi mewujudkan sebuah masyarakat yang berpengetahuan dan untuk mencapai matlamat kadar celik huruf negara kepada 100 peratus menjelang 2020,” katanya semasa menyampaikan ucapan dasar pada majlis perasmian Persidangan Buku Kanak-kanak 2010 itu.

Turut hadir dalam majlis yang disertai oleh lebih dua ratus orang yang terdiri daripada wakil kementerian, institut pengajian tinggi, perpustakaan, industri penerbitan di samping pelajar dan orang ramai ialah Ketua Pengarah Pelajaran Tan Sri Alimuddin Mohd Dom, yang juga Pengerusi MBKM.


Dalam majlis ilmu yang bertemakan “Literasi Kanak-kanak Dalam Dunia yang Berubah” ini seramai enam pembentang kertas kerja dari dalam dan luar negara telah diundang untuk berkongsi pengalaman dan pandangan masing-masing berkaitan kegiatan perbukuan kanak-kanak.

Antara pembentang kertas kerja dari luar negara yang diundang ialah Alireza Karimdadian (Iran) dengan kertas kerja bertajuk “A Glance to Iranian Contemporary Children’s Book Illustration”, Yakubu Ozohu-Suleiman (Nigeria) dengan pembicaraan tentang “Children And Literacy Development In Nigeria”, dan Sadik Ozata (Turki) dengan tajuk “Pembangunan Literasi Kanak-Kanak di Turki”.

Pembentang turut dilakukan oleh ahli akademik tempatan yang terdiri daripada Profesor Madya Siti Rohani Kassim (Universiti Malaya) dengan topik “Tracing Literacy through Children’s Literature: A Malaysian Perspective”, Dr Lim Boon Hock (Wings Melaka Early Intervention Centre) yang membicarakan “Literacy Development for Children with Special Needs”, dan Roselind Wee (UiTM) dengan tajuk “Sparkling of ideas for creative writing.”

Selain itu, turut diadakan dua bengkel selari, iaitu Bengkel Penulisan Buku Kanak-kanak dan Bengkel Ilustrasi Buku Kanak-kanak, dan pameran dan pertandingan ilustrasi.

► R/JZ



Aktiviti sepanjang Persidangan Buku Kanak-kanak sempena PBAKL 2010

- 7
- 6
- 5
- 4
- 3
- 2
- 1

## PERADUAN ILUSTRASI MBBY MBBY ILLUSTRATION CONTEST

**S**EMPENA Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2010, Majlis Buku Kanak-kanak dan Remaja (MBBY) menganjurkan Peraduan Ilustrasi untuk golongan remaja yang berumur antara 13 hingga 17 tahun pada 21 Mac 2010 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Peraduan yang disertai dengan pameran lukisan hasil daripada pelukis-pelukis tempatan, PEKARTUN, dan PEKOMIK ini bertujuan untuk memberi peserta peluang menunjukkan bakat di samping pendedahan dan rangsangan untuk mengembangkan idea masing-masing dan seterusnya menghasilkan ilustrasi yang berkualiti.

Dengan menggunakan medium kering seperti pensel, pensel warna, krayon, atau charcoal, seramai 50 orang peserta telah mengambil bahagian dalam peraduan yang menyediakan dua tema untuk dipilih – “Tokoh Malaysia” dan “Watak dalam Cerita Malaysia”.

Peraduan ini menyediakan hadiah wang tunai kepada pemenang-pemennangnya, iaitu sebanyak RM250 (pertama), RM150 (kedua), dan RM100 (ketiga) di samping lima hadiah sagu hati bernilai RM50 setiap satu.

Peraduan yang diadakan secara terbuka ini dimenangi oleh Nur Zarifah bt Abdul Wahab (pertama), Racheal Leong (kedua) dan Amierul Razzi Ahmad Yusoff (ketiga) dengan lukisan masing-masing yang bertajuk “Puteri Gunung Ledang”, “Pengembaraan Sang Tikus”, dan “Pengembaraan Awang Kenit”.

Majlis penyampaian hadiah telah dilakukan oleh Naib Presiden MBBY, Encik Ahmad Redza Ahmad Khairuddin di Perpustakaan Kuala Lumpur Cawangan Taman Tun Dr. Ismail pada 24 April 2010 sempena sambutan Hari Buku Sedunia. ► AMJ



Lukisan-lukisan yang memenangi tiga hadiah utama sempena Peraduan Ilustrasi MBBY

## HARI BUKU KANAK-KANAK ANTARABANGSA 2010 INTERNATIONAL CHILDREN'S BOOK DAY 2010

**S**EPERTI tahun-tahun lepas, Majlis Buku Kanak-Kanak dan Remaja Malaysia (MBBY) turut meraikan Hari Buku Kanak-Kanak Antarabangsa dengan menyediakan beberapa aktiviti.

Untuk memeriahkan sambutan di samping menyedarkan orang ramai tentang sambutan hari berkenaan sebanyak 200 keping poster bertemakan "Bangun dan Baca" yang disediakan oleh Cerdik Publications Sdn. Bhd. telah diedarkan di serata tempat terutama di perpustakaan-perpustakaan.

Antaranya ialah Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Awam Negeri, Perpustakaan Kuala Lumpur, Perpustakaan-Perpustakaan Cawangan Perpustakaan Kuala Lumpur, sekolah-sekolah sekitar Kuala Lumpur dan berhampiran dengan Perpustakaan Cawangan Taman Tun Dr. Ismail, Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (BTPNWPKL), dan juga Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).



Mengambil kesempatan ini juga, MBBY juga telah mengadakan bengkel *My First Picture Book* di Perpustakaan Cawangan Taman Tun Dr. Ismail pada 24 April 2010 (Sabtu) yang disertai seramai 25 orang peserta.

Bengkel ini turut disertai oleh Kumpulan Kopi-Kopi *Storytelling Group Starbuck* dari Ampang. Peserta telah menunjukkan minat melukis dan kreativiti yang tinggi dalam mencipta buku bergambar sendiri dalam bengkel yang dikendalikan oleh Yusof Gajah dan Puan Zakiah Mohd Isa sebagai fasilitatornya. ► RI

## PERADUAN MENGARANG NOVEL MBBY-PELANGI MBBY-PELANGI NOVEL WRITING CONTEST

**M**AJLIS Buku Kanak-kanak dan Remaja Malaysia MBBY dengan kerjasama Pelangi Publishing Group sebagai penaja telah menganjurkan Peraduan Mengarang Novel Pelangi-MBBY pada 15 November 2009 yang lalu.

Peraduan itu diadakan untuk mencungkil bakat baharu dalam penulisan novel remaja di samping menambahkan bahan bacaan sastera yang bermutu dalam usaha membentuk budaya membaca dalam kalangan generasi muda.

Peraduan yang terbuka kepada semua warganegara Malaysia itu tidak menghadkan tema atau cerita terhadap karya yang dihasilkan, namun ia perlu mengutamakan nilai-nilai murni dan budaya Malaysia serta sesuai untuk bacaan pelajar sekolah menengah.

Selain itu, karya yang dihantar perlu asli dan ditulis dalam bahasa Melayu, belum pernah menyertai sebarang peraduan, disiarkan atau diterbitkan oleh mana-mana penerbit.

Peraduan ini menawarkan hadiah yang lumayan kepada pemenangnya, iaitu wang tunai sebanyak RM5000 (pertama), RM3000 (kedua), RM2000 (ketiga), dan lima hadiah suguhati sebanyak RM500 setiap seorang. Di samping itu karya terbaik akan diterbitkan oleh Novel Pelangi Sdn Bhd.

Sehingga tarikh akhir penyertaan pada 30 Mac yang lalu sebanyak 13 buah karya daripada 11 orang peserta telah diterima oleh pihak urus setia dan karya tersebut akan dinilai oleh juri profesional yang dilantik oleh pihak MBBY sendiri.

Senarai pemenang akan diumumkan melalui laman web Pelangi, iaitu di [www.pelangibooks.com](http://www.pelangibooks.com). ► RJZ

7

6

5

4

3

2

1